



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

35
Hari

15
Jam

29
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Sasar 150,000 suntikan vaksin fasa ketiga - KJ

Oleh [Muhammad Yusri Muzamir](#) - Februari 24, 2021 @ 12:05am
yusri.muzamir@bh.com.my



Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba (dua, kiri) dan Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin (kiri) ketika melakukan simulasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Kementerian Kesihatan hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan mensasarkan untuk mencapai 150,000 suntikan vaksin sehari menjelang peringkat kemuncak pelaksanaan fasa ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata sasaran itu ditetapkan bagi mencapai imuniti kelompok, selari dengan jangkaan bagi menyelesaikan PICK menjelang akhir tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras PICK berkata, sasaran kadar suntikan itu antara lain mempamerkan kejayaan kerajaan memberi vaksin kepada 70 hingga 80 peratus penduduk di Malaysia.

"Peratusan berkenaan ketika ini dipercayai, walaupun belum ada maklumat dari negara lain, tetapi sasaran apabila capai 70 hingga 80 peratus, barulah (negara) capai imuniti kelompok.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- ['Imuniti kelompok' kawal, putus rantai jangkitan](#)
- [Beri vaksin kepada PATI untuk lindungi komuniti tempatan](#)
- [COVID-19: Khairy jamin vaksin dibeli Malaysia selamat](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 15m [Gempa bumi sederhana gegar utara Laut Maluku, Indonesia](#)
- 19m [Iran didakwa berbohong kes tembakan pesawat Ukraine](#)
- 21m [Tiger Woods kemalangan kereta](#)
- 46m [Sepakan akrobatik Giroud benam Atletico](#)
- 56m [Malaysia laksana program imunisasi COVID-19 hari ini](#)
- 1h [Badan pemantau nuklear PBB 'sangat prihatin' tapak nuklear Iran](#)
- 1h [Bayern belah Lazio](#)
- 1h [Keputusan Liga Juara-Juara UEFA](#)

WAKSIN



NASIONAL 9 jam yang lepas
[Perolehan vaksin hanya babitkan syarikat pengeluar, kerajaan Pusat](#)



NASIONAL 9 jam yang lepas
[Sasar 150,000 suntikan vaksin fasa ketiga - KJ](#)




NASIONAL 11 jam yang lepas
[Sediakan pusat vaksin mega - KJ](#)



NASIONAL 12 jam yang lepas
[KKM buat penilaian keperluan vaksin bekas pesakit COVID-19](#)



NASIONAL 13 jam yang lepas
[Perlis mula terima vaksin COVID-19 esok](#)



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 6:42pm

- **Program imunisasi penting untuk pulih ekonomi**

"Imuniti kelompok tercipta apabila ramai orang menerima vaksin. Vaksin mengajar badan melawan virus COVID-19. Apabila seramai mungkin orang dalam negara di vaksin, maka virus tak boleh menjangkiti orang lain kerana sudah ramai ada sistem ketahanan badan.

"Virus ini walaupun masih wujud tetapi ia tidak mudah untuk menjangkiti orang. Saya jangkakan sasaran ini di peringkat kemuncak iaitu pada fasa ketiga PICK kerana fasa pertama dan kedua hanya menasarkan golongan tertentu," katanya pada Program Bicara Naratif: Vaksin COVID-19 bersama Khairy disiarkan di RTM1, malam ini.

Selain itu, Khairy berkata, bagi mengelak berlakunya masalah logistik, masyarakat tidak dibenarkan memilih jenis vaksin COVID-19.

Beliau berkata, setiap vaksin digunakan pada PICK didaftar dan diluluskan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) diuji selamat, berkesan dan boleh digunakan di negara ini.

Beliau berkata, rakyat juga dinasihat supaya tidak kluatir walaupun setiap vaksin COVID-19 mempunyai maklumat tahap keberkesanan berbeza.

Selain itu, katanya, semua vaksin COVID-19 dibeli atau ada perjanjian, melepasi tahap keberkesanan 50 peratus yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Sinovac walaupun tahap keberkesanan uji kaji di Brazil lebih 50 peratus, tetapi di Turki ia lebih 90 peratus. Ini disebabkan profil sukarelawan terbabit dalam uji kaji berkenaan.

"Di Brazil berbeza dengan ujian vaksin lain kerana mereka beri kepada barisan hadapan dan golongan ini berisiko tinggi dijangkiti COVID-19, tetapi untuk Sinovac ia berjaya melindungi mereka pada tahap 90 peratus daripada kesan terburuk COVID-19.

"Yang penting NPRA hanya luluskan apabila mereka berpuas hati vaksin berkenaan selamat, berkesan dan melepasi tahap ditetapkan WHO," katanya.

Ahli Parlimen Rembau itu berkata, faktor sukar mengagihkan vaksin mengikut pilihan penerima muncul sebagai antara faktor menyebabkan orang ramai tidak dibenarkan memilih jenis vaksin.

"Vaksin akan sampai setiap minggu, kalau kita beri menu kepada orang ramai dan mereka buat pilihan agak sukar untuk kita agihkan berdasarkan pilihan penerima, selain setiap vaksin ada kaedah simpanan berbeza.

"Pfizer mesti disimpan dalam peti sejuk pada suhu -70°C dan perlu disimpan di pusat simpanan vaksin ditetapkan, manakala AstraZeneca boleh disimpan pada suhu lebih biasa dan mungkin akan dihantar ke lokasi tidak mempunyai kemudahan Penyejuk Suhu Ultra Rendah (ULTF).

"Cansino Biologics Inc dan Johnson & Johnson (J&J) yang satu dos mungkin diberi ke kawasan pedalaman serta warga asing supaya mereka tak perlu keluar dua kali. Inilah perancangan kerajaan," katanya.



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 0:43pm

Vaksin COVID-19 beri harapan pemulihan industri penerbangan

TRENDING

LAIN-LAIN (SUKAN) 22 minit yang lepas



Tiger Woods kemalangan kereta



KES 11 jam yang lepas

SPRM Perak cari Siti Aisyah



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 7:51pm

Pembayaran BPR Fasa I mulai Rabu ini



KES Feb 23, 2021 @ 5:35pm

Suami isteri curi susu formula bayi dicekup




NASIONAL Feb 23, 2021 @ 5:16pm

Ada kumpulan tidak digalakkan ambil vaksin - NPRA

BERITA BERKAITAN





NASIONAL Feb 6, 2021 @ 3:11pm
Vaksin: Keyakinan 67 peratus tidak mencukupi



KOLUMNIS Feb 16, 2021 @ 11:00am
Kejayaan vaksinasi 'kunci' penyelamat nyawa, ekonomi



KOMENTAR Jan 16, 2021 @ 11:01am
Penemuan vaksin bukan lesen abai SOP, norma baharu



NASIONAL 11 jam yang lepas
Sediakan pusat vaksin mega - KJ

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home |

Yumna Front Button Flared Tunic - Black/Gold Floral
 Fabric - polyblend, unlined. Sleeves -...
 Poplook

[Shop now](#)

Mansion Global Daily: Celebs in the New York Suburbs, the...
 Mansion Global

Celebrities Who Nailed Their Wedding Dresses
 TooCool2BeTrue

Quiz: Can You Name These Movies From A Single Photo?
 Parentsdome Galleries

Investment Can Be a Pleasant Experience
 Aluio

This Cheap Drone Might Be The Best Selling Gift In Petaling Jaya
 HyperDrone

Actual Costs of A Stairlift In Petaling Jaya Could Surprise...
 Stair Lift | Sponsored Li...

Top 10 Reasons Your Business Should Be on Instagram
 Chatfuel

[Learn More](#)



IKUTI KAMI DI:



BERITA
[BHPLUS](#)
[Nasional](#)
[Kes](#)
[Politik](#)
[Pendidikan](#)

SUKAN
[DUNIA](#)
[HIBURAN](#)
[BISNES](#)
[RENCANA](#)
[WANITA](#)

MULTIMEDIA
[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

LANGGAN

PERKHIDMATAN
[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLiK](#)

